

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
ADValue

Pertemuan menteri pelajaran dengan sasterawan ,alaysia  
31 Jul 2009  
Utusan Malaysia  
Supplement  
N/A  
Daily  
14,230

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
PRValue  
Malay  
T5  
720 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
42,691



# Pertemuan Menteri Pelajaran dengan sasterawan Malaysia

GOLONGAN sasterawan sentiasa mendapat tempat dalam pendidikan, khususnya dengan dasar baru Kementerian Pelajaran untuk memartabatkan Bahasa Melayu, termasuk seni bahasa ibunda itu.



**R**AKYAT Malaysia sungguh bertuah kerana kerajaan memberikan penekanan yang tinggi kepada bidang pendidikan sehingga hampir kesemua rakyat mampu membaca, sekali gus dapat memahami segala ilmu.

Cuma menjadi masalah apabila rata-rata masih dalam belunggu "buta huruf budaya" atau *culturally illiterate*. Maka sesetengah pihak menyalahkan hal ini kepada pemimpin negara yang tidak memberikan keutamaan kepada keserjanaan sastera.

Namun kepimpinan negara yang

Headline	<b>Pertemuan menteri pelajaran dengan sasterawan ,alaysia</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>31 Jul 2009</b>	Page No	<b>T5</b>
MediaTitle	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>720 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Supplement</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	PRValue	<b>42,691</b>
Frequency	<b>Daily</b>		
ADValue	<b>14,230</b>		

baru diterajui Datuk Seri Najib Tun Razak menafikan hal itu dengan kesediaan Timbalan Perdana Menteri yang merangkap Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin sanggup meluangkan masa bertemu dengan semua Sasterawan Negara, pemenang Anugerah S.E.A. Write Award, dan beberapa sasterawan prolific untuk berbincang dan berdiskusi berkenaan masalah sastera dan hala tuju sastera kebangsaan.

Majlis yang berlangsung dalam suasana harmoni pada 19 Mei 2009 di Hotel Shangri-La Putrajaya jelas mempamerkan kesungguhan pemimpin negara menterjemahkan hasrat golongan sasterawan yang dianggap dwistandard oleh arus perdana. Majlis tersebut turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, Tan Sri Dr. Zulkurnain Awang, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, Sasterawan Negara (SN) Datuk A. Samad Said, dan SN Profesor Muhammad

Hj. Salleh. Pada pertemuan yang dianjurkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) itu, Tan Sri Muhyiddin menyatakan bahawa kerajaan sentiasa menyediakan landasan infrastruktur untuk memapankan intelektual bangsa dan masyarakat ilmiah melalui sastera. Dalam ucapannya juga, beliau mengharapkan wujudnya sinergi atau hubungan yang sihat dengan kalangan sasterawan bagi meningkatkan standard serta kualiti pendidikan dalam negara.

Tan Sri Muhyiddin turut berkeinginan untuk melancarkan 30 judul karya terjemahan siri sastera terbitan terkini ITNM. Antara karya yang

dilancarkan adalah *The Morning Post* (Hujan Pagi) karya SN Datuk A. Samad Said, *Enslaved Soul* (Jiwa Hamba) karya SN Datuk Usman Awang, *Into The Light* (Masuk ke dalam Cahaya) karya SN Datuk Abdullah Hussain, dan *Bienvenida a Casa, Juita* (Selamat Pulang, Juita) oleh SN Profesor Dr. Muhammad Hj. Salleh.

Melihat kepada perlunya karya sastera dan industri penerbitan dibangunkan, Tan Sri Muhyiddin lantas mengumumkan penubuhan Kota Buku bagi menjadi pusat nukleus menghimpunkan pelbagai usahawan, persatuan, dan aktiviti membabitkan buku di bawah satu bumbung. Selain memberikan manfaat kepada sasterawan, penerbit, usahawan, dan masyarakat pembaca di Malaysia, Kota Buku akan menjadi mercu tanda baharu ibu kota Kuala Lumpur, sekali gus mewujudkan tarikan pelancongan dengan imej tambahan sebagai kota raya ilmu.

